

Pandangan Benazir terhadap kepemimpinan Mahathir

UM 11 OCT 1989

Daripada
Rosnah Majid

KARACHI 10 Okt. — Perdana Menteri Pakistan, Puan Benazir Bhutto berpenclapat di bawah kepemimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir, Malaysia melalui pembangunan ekonomi yang sungguh menggalakkan, tetapi di waktu yang sama nilai - nilai tradisi, budaya dan rohaniah

(P)

tetap dihormati yang mendorong kepada kestabilan politik. Ini berbeza dengan sesetengah negara yang mengalami pembangunan ekonomi yang terlalu pantas sehingga menimbulkan ketegangan politik. Tetapi di bawah kepemimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir, pembangunan ekonomi serta kemajuan politik

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Pandangan Benazir Bhutto

mempunyai asas kukuh.

Bercakap demikian dalam satu temuramah khas dengan Utusan di Rumah Bilawal, kediaman suaminya di sini hari ini, Puan Benazir berkata beliau mahu melihat hubungan Malaysia dan Pakistan meningkat maju memandangkan kedua-dua negara adalah negara Asia dan lebih-lebih lagi kedua-duanya negara Islam.

Beliau juga mahu melihat hubungan perdagangan yang kini lebih menguntungkan Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih seimbang di mana Malaysia membeli lebih banyak barang Pakistan seperti kapas dan beras.

"Kami mengimport kelapa sawit Malaysia, mutunya sangat baik. Sekarang kita mempunyai peluang tambahan melalui Komanwel untuk meningkatkan kerjasama dua hala," ujanya.

Puan Benazir melahirkan rasa gembira negaranya dapat menyertai semula Komanwel di mana tuannya ialah sebuah negara Islam.

Bapanya Allahyarham Zulfikar Ali Bhutto yang menjadi presiden dan Perdana Menteri telah mengeluarkan Pakistan dari Komanwel pada 1972 sebagai membatih kerana beberapa negara anggota Komanwel mengiktiraf Bangladesh.

Bangladesh memperolehi kemerdekaan dari Pakistan melalui pertumpahan darah

di mana India turut campurtangan. Bagaimanapun Pakistan mengiktiraf Bangladesh dua tahun kemudian.

Setelah tujuh belas tahun berada di luar, pada 1 Oktober lalu Pakistan dengan rasmi diterima semula sebagai anggota Komanwel.

Puan Benazir yang kelihatan sangat cantik dengan memakai shalwar kamaiz (pakaian tradisional Pakistan) berwarna hijau tua lengkap dengan selendang putih menutup sebahagian dari kepalanya, menegaskan bahawa negaranya telah cuba memasuki semula Komanwel sejak dua belas tahun lalu.

"Kembalinya demokrasi di Pakistan banyak membantu memudahkannya mengubah fikiran beberapa negara anggota yang sebelumnya menghalang proses tersebut," katanya.

Beliau yakin Komanwel merupakan forum yang bernilai kerana ia dianggotai oleh berbagai negara dari benua yang berlainan di dunia, duduk bersama-sama untuk bertukar-tukar fikiran.

Puan Benazir yang akan mengetuai Pakistan ke Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur mulai 18 Oktober ini berharap pertemuan di Malaysia akan memberperhatian kepada hubungan selatan-selatan, utara-selatan, isu Afrika Selatan serta hubungan dua hala negara-negara anggota.